

# KOLOKIUUM KEBANGSAAN MELAYU PULAU PINANG

17 - 18 September 2003, Dewan Budaya,  
Universiti Sains Malaysia

## **PENDIDIKAN: MASALAH PELAJAR MELAYU PULAU PINANG**

Oleh

**PROF. MADYA DR AMINAH AYOB**  
**PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN**  
**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

### 1.0 PENGENALAN

Pendidikan adalah salah satu indikator penting untuk mobiliti sosial masyarakat Bumiputra Melayu Pulau Pinang ke peringkat yang lebih maju dan berkualiti. Pencapaian yang baik dan jenis aliran pendidikan yang diceburi oleh para pelajar Melayu akan menentukan peluang mereka untuk mengikuti bidang-bidang pengajian di universiti yang dapat menjamin peningkatan golongan profesionalisme Melayu dalam pasaran kerja di Pulau Pinang.

Penyertaan masyarakat Melayu dalam bidang-bidang profesional pada masa hadapan boleh diramalkan berdasarkan pencapaian dan enrolmen pelajar-pelajar Melayu di sekolah masa kini. Maklumat dalam **Jadual 1** menunjukkan jurang yang luas di antara pelajar Melayu di Tingkatan 4 dan 5 dengan kaum-kaum lain dalam pelbagai aliran pengajian utama di sekolah.

**Jadual 1** : Enrolmen Pelajar Tingkatan 4 & 5 Pulau Pinang Mengikut Aliran Dan Kaum (2001)

Bil.	Jenis Aliran Tingkatan 4 & 5	Melayu		Cina		India		Lain-lain	
		Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
1.	SPVM	1620	9.32	71	0.41	30	0.79	1	0.66
2.	Agama	143	0.82	0	0	0	0	0	0
3	Kemanusiaan	8303	47.75	7844	45.67	2249	59.62	71	47.02

4.	Teknik	1565	9.00	31	0.18	24	0.64	3	1.99
5	Sains	2866	16.48	6798	39.58	897	23.77	56	37.08
6.	Teknologi	2891	16.63	2433	14.16	573	15.18	20	13.25
	Jumlah	17388	100	17177	100	3773	100	151	100

**Jadual 2** dan **3** pula menunjukkan perincian peratusan pelajar mengikut pembahagian aliran sains dan sastera di Tingkatan 4 dan 5 di sekolah menengah harian di Pulau Pinang. Data ini adalah bagi tahun 2001.

**Jadual 2 :** Peratusan Pelajar Tingkatan 4 Dalam Aliran Sastera Mengikut Kumpulan Etnik Di Sekolah Menengah Harian Pulau Pinang Tahun 2001

Tingkatan	Melayu	Cina	India	Lain-lain
4	46.13 %	41.73 %	11.80 %	0.34 %
5	43.67 %	43.30 %	12.60 %	0.43 %

**Jadual 3 :** Peratusan Pelajar Tingkatan 5 Dalam Aliran Sains Mengikut Kumpulan Etnik Di Sekolah Menengah Harian Pulau Pinang Tahun 2001

Tingkatan	Melayu	Cina	India	Lain-lain
4	27.66 %	63.36 %	8.42 %	0.56 %
5	26.26 %	64.77 %	8.47 %	0.50 %

Didapati bilangan pelajar Melayu yang mengikuti aliran sains di Tingkatan 4 dan 5 sangat rendah berbanding dengan pelajar Cina. Senario ini agak membimbangkan jika diambilkira keperluan guna tenaga kerja yang memerlukan lebih ramai bilangan profesional dalam bidang ini berdasarkan keperluan dan kehendak negara pada masa kini dan akan datang. Situasi ini akan menyebabkan orang Melayu Pulau Pinang gagal dan

ketinggalan untuk mengikuti proses pembangunan negara yang memerlukan kemajuan dalam bidang sains dan teknologi.

**Jadual 4** : Peratusan Pelajar Tingkatan 4 & 5 Dalam Aliran Vokasional Dan Teknologi Mengikut Kumpulan Etnik Tahun 2001

Aliran	Melayu	Cina	India	Lain-lain
Vokasional	95.18 %	3.08 %	1.62 %	0.12 %
Teknologi	26.26 %	64.77 %	8.47 %	0.50 %

**Jadual 4** pula menunjukkan peratusan pelajar dalam aliran teknologi dan vokasional berdasarkan data bagi tahun 2001. Bilangan pelajar Melayu yang mengikuti aliran kemahiran vokasional adalah sangat tinggi (95.2 %). Bidang ini hanyalah menyediakan pelajar kepada pekerjaan di sektor perkilangan pada peringkat kemahiran asas atau rendah sahaja. Manakala peratusan pelajar Cina di aliran Teknologi jauh melebihi pelajar Melayu. Ternyata bidang teknikal berunsur teknologi moden menjadi tumpuan pelajar-pelajar Bukan-Bumiputra dan anak-anak Melayu hanya sanggup mengikuti bidang kemahiran teknikal dan kemahiran asas sahaja. Trend ini tidak akan menggalakkan penyertaan bangsa Melayu dalam bidang kejuruteraan dan teknologi maju. Hal ini akan terus menyumbang kepada kemerosotan anak-anak Melayu Pulau Pinang dalam pasaran kerja profesional yang berasaskan teknologi tinggi pada masa akan datang yang memang telah jelas amat berkurangan pada masa kini.

### **Profil pelajar di IPT**

Bilangan pelajar Melayu dari Pulau Pinang di IPTA dan IPTS tempatan adalah hampir sama banyak, iaitu 50:50% (Jadual 5), tetapi dipercayai peratus pelajar Cina di IPTS adalah lebih tinggi (khususnya di TARC) dan IPTS yang tidak memberi respons kepada kajian kami atau di institusi pengajian tinggi di luar negara. Walaupun tiada data tentang bilangan pelajar Melayu mengikut bidang pengajian/pengkhususan yang diikuti di

IPTA/IPTS, adalah dijangka bilangan yang berada dalam program-program berasaskan sains dan teknologi adalah kecil.

**Jadual 5: Bilangan Pelajar dari Pulau Pinang DI IPTA dan IPTS Tempatan**

Bil	IPTA/IPTS	Bilangan Pelajar		Jumlah
		Bumiputera	Bukan -Bumi	
1	Universiti Sains Malaysia (USM)	686 (32%)	1469 (68%)	2155
2	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	946 (48%)	1043 (52%)	1989
3	Universiti Malaya (UM)	492 (36%)	874 (64%)	1366
4	Universiti Utara Malaysia (UUM)	315 (28%)	791 (72%)	1106
5	Universiti Islam Antarabangsa (UIA)	0	0	0
6	Universiti Teknologi Mara (UiTM)	1322	0	1322
7	Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)	251 (72%)	93 (28%)	344
8	Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia	6	5	11
9	Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn	51	32	83
10	Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM)	9	0	9
11	Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia, Terengganu (KUSTEM)	25	50	75
12	Institut Teknologi Tun Abdul Razak (ITTAR)	829	135	964
13	Penang Medical College	7	7	14
14	Pusat Pembangunan Kemahiran P.Pinang (PSDC)	140	727	867
15	Kolej Teknologi Pulau	21	6	27
16	Olympia College Pulau Pinang	67	588	655
	<b>JUMLAH</b>	<b>5167</b>	<b>5820</b>	<b>10,987</b>

UKM dan UPM = t.d.

## 2.0 PENCAPAIAN PELAJAR MELAYU

### 2.1 Pencapaian Dalam UPSR

**Jadual 6: Pencapaian UPSR 2002**

Jenis sekolah	Lulus tahap minima dengan gred C			
	1999	2000	2001	2002
SK dan SRK	54.7%	54.3%	57.0%	62.0%
SRJKC	40.9%	50.7%	53.1%	62.7%
SRJKT	24.1%	33.0%	36.8%	41.5%

Perbandingan di antara SK dan SRK

UPSR 2001	UPSR 2002
SK = 52.0%	SK = 57.2%
SRK = 66.4%	SRK = 72.1%

**Jadual 7: Peratus gagal dalam UPSR**

Jenis sekolah	Gagal semua mata pelajaran			
	1999	2000	2001	2002
SK dan SRK	10.4%	8.0%	6.5%	6.2%
SRJKC	3.4%	3.1%	2.0%	2.4%
SRJKT	10.2%	6.9%	4.1%	4.2%

SK = Sekolah Kebangsaan

SRK = Sekolah Rendah kebangsaan (sekolah yang dahulunya menggunakan pengantar Bahasa Inggeris)

Senario pencapaian murid Melayu dalam UPSR adalah sama seperti murid sekolah Cina. Secara umum peratus murid-murid sekolah rendah di SK dan SRK yang gagal adalah lebih tinggi daripada di SKRC dan SKRT. Mengapa?


Lebih teruk lagi peratus lulus di SK hanya 57% dan di SRK ialah 72%. Terdapat sebanyak 26 buah SK yang tidak mencapai 50% lulus dengan gred minimum C berbanding dengan 17 buah SRKC. Ini bermakna di 26 buah sekolah tersebut, hampir separuh daripada kanak-kanak darjah 6 gagal dalam peperiksaan UPSR. Daripada bilangan ini, 4 buah SK terutamanya tidak pun dapat mencapai tahap lulus 30%. Ini adalah sekolah-sekolah yang terletak di kawasan jauh di luar bandar dan pelajar-pelajar adalah dari kalangan keluarga SES paling rendah (termiskin).

**Jadual 8: Analisis pencapaian mengikut mata pelajaran dalam UPSR 2002**

Mata pelajaran	SK dan SRK		SRJKC		SRJKT	
	%Lulus	%Gagal	%Lulus	%Gagal	%Lulus	%Gagal
B.M (Pemahaman)	89.5	10.5	74.7	26.3	67.9	32.1
B.M (Penulisan)	88.4	11.6	70.3	29.7	53.6	46.4
B. Inggeris	66.6	33.4	73.8	26.2	63.6	36.4
Matematik	82.4	17.6	94.8	5.2	81.3	18.7
Sains	80.0	20.0	89.8	10.2	75.1	24.9

Kelemahan yang sudah dijangka ialah dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik. Jika pencapaian di peringkat UPSR dalam Sains dan matematik rendah, maka di Tingkatan Satu mereka akan mengalami kesukaran besar untuk mengikuti pembelajaran kedua-dua subjek ini dalam Bahasa Inggeris. Kelak prestasi mereka akan terus mundur dan berlanjutan sehingga ke peringkat menengah atas.

### Rajah 1: Perbandingan pencapaian di antara SK/SRK dan SRJKC



## 2.2 Pencapaian Dalam PMR (2001)

Jadual 9: Perbandingan Keputusan PMR 2001 mengikut jenis sekolah

Jenis sekolah	% lulus D semua mata pelajaran	% gagal satu atau lebih m. pelajaran
Sek. Men. Majoriti Melayu	43.8	56.2
Sek. Men. Majoriti Cina	89.2	10.8
Sek. Men. Keb. Agama	92.8	7.2
Sek. Men. bekas aliran Inggeris	80.5	19.5

Data di atas menunjukkan bahawa di peringkat PMR, pencapaian pelajar Melayu semakin menurun berbanding dengan pelajar Cina. Perbezaan yang sangat besar wujud apabila dilakukan analisis yang lebih terperinci dalam 4 mata pelajaran utama iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, dan Sains.

Jadual 3.5: Pencapaian PMR (2001) dalam Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan sains.

	Purata pencapaian dalam Bahasa Melayu					
	% lulus	Gred A	Gred B	Gred C	Gred D	Gagal
Sek. Men. Majoriti Melayu	88.8	15.0	36.7	23.0	14.0	11.2
Sek. Men. Majoriti Cina	99.1	21.7	51.6	21.2	4.5	1.0

Purata pencapaian dalam Bahasa Inggeris						
	% lulus	Gred A	Gred B	Gred C	Gred D	Gagal
Sek. Men. Majoriti Melayu	51.3	2.6	8.4	15.0	25.3	48.7
Sek. Men. Majoriti Cina	96.2	42.0	32.8	16.9	6.8	1.5

Purata pencapaian dalam Matematik						
	% lulus	Gred A	Gred B	Gred C	Gred D	Gagal
Sek. Men. Majoriti Melayu	85.3	6.4	12.0	22.3	44.5	14.7
Sek. Men. Majoriti Cina	99.6	73.3	16.2	31.2	1.9	0.3

Purata pencapaian dalam Sains						
	% lulus	Gred A	Gred B	Gred C	Gred D	Gagal
Sek. Men. Majoriti Melayu	93.0	6.5	10.3	16.7	60.0	7.0
Sek. Men. Majoriti Cina	99.6	52.6	18.5	12.3	16.2	0.4

Pencapaian ini memberi petanda yang membimbangkan, kerana lebih ramai pelajar Melayu yang tidak akan dapat memasuki aliran sains pada 2002. Dijangka keadaan ini akan terus menjejaskan pencapaian pelajar Melayu dalam SPM dan seterusnya menjejaskan penglibatan orang Melayu dalam bidang profesional yang berasaskan sains dan teknologi masa hadapan. Maka semakin **tidak ramai pelajar Melayu dalam aliran sains** yang dapat meneruskan pengajian di peringkat Matrikulasi dan ini akan memberi implikasi serius kepada sistem meritokrasi yang dilaksanakan.

### 3.0 MASALAH PELAJAR MELAYU YANG MEMPENGARUHI PENCAPAIAN

#### 3.1 Latar belakang dan Persekitaran

Masalah latar belakang keluarga, masih menjadi isu utama walaupun negara kita telah bergitu maju dan berjaya meningkatkan KDNK serta pendapatan seisi keluarga. Orang Melayu masih jauh di belakang dari segi aset serta pendapatan berbanding bangsa lain, khususnya di Pualu Piang. Faktor ini amat penting kita ketahui untuk menyelami

mengapa orang Melayu masih ketinggalan atau lemah dalam pendidikan. Satu perkara yang harus difahami ialah faktor latar belakang keluarga atau pendapatan keluarga.

**Jadual 5.1 : Latarbelakang Keluarga Pelajar Melayu Pulau Pinang**

<b>1. Pendapatan Bapa :-</b> RM 2001 ke atas = 292 (12.6%) RM 1001 – RM 2000 = 490 (21.1%) RM 501 – RM 1000 = 1115 (48.1%) RM 500 ke bawah = 423 (18.2%)	<b>2. Pendapatan Ibu :-</b> RM 2001 ke atas = 58 (2.5%) RM 1001 – RM 2000 = 172 (7.4%) RM 501 – RM 1000 = 234 (10.1%) RM 500 ke bawah = 150 (6.5%) <b>Tiada pendapatan = 1706 (73.5%)</b>
<b>3. Bilangan Adik-beradik:-</b> 1 hingga 3 = 907 (39.1%) 4 hingga 6 = 1158 (49.9%) 7 hingga 9 = 216 (9.3%) 10 atau lebih = 39 (1.7%)	<b>4. Ahli Keluarga Masuk Kolej/Universiti</b> Abang = 385 (16.6%) Kakak = 490 (21.1%) Saudara Lain = 295 (12.7%) <b>Tiada = 1150 (49.6%)</b>

(Sampel =2320, dari 6 buah sekolah di daerah Seberang Perai dan sebuah di Daerah Pulau)

Data di atas menunjukkan lebih daripada 80% pelajar Melayu adalah dari keluarga yang berpendapatan sederhana rendah dan rendah. Inilah masalahnya. Seperti yang kita ketahui, keluarga yang berpendapatan rendah tidak mempunyai peruntukan yang cukup untuk pendidikan terutama apabila mempunyai anak yang ramai. (50% mempunyai anak 4-6 orang). Oleh itu, ibu bapa tidak mampu membeli buku-buku tambahan, menghantar anak-anak ke tadika swasta yang lebih lengkap dan canggih, atau menghantar anak-anak ke kelas tuisyen yang memberi perhatian individu. Malah untuk membeli surat khabar pun, ada keluarga yang tidak mampu.

Tinjauan kajian Profil Bumiputra Pulau Pinang (Aminah et. al. 2002) terhadap 2320 pelajar dari Tingkatan 1 hingga 6 Atas di 7 buah sekolah menengah di Pulau Pinang menunjukkan **47% ibu bapa tidak melanggan surat khabar setiap hari**. Jadi ramailah pelajar Melayu tidak membaca surat khabar. Tinjauan itu juga menunjukkan **54% pelajar tidak ada komputer di rumah**. Daripada yang ada komputer (46%), hanya



34.5% ada internet. Bermakna **65.5% tidak mempunyai akses kepada internet**. Malah 10.7% pelajar dalam kajian ini menyatakan mereka tidak ada buku rujukan (bukan buku tambahan) untuk belajar.

Jadi, isunya ialah **pelajar Melayu belajar dalam keadaan serba kekurangan**. Ini ditambah pula dengan sikap ibu bapa yang tidak begitu mementingkan pendidikan – misalnya, ibu bapa lebih senang membeli (atau berhutang) perabot rumah yang mahal seperti sofa yang empuk dan cantik untuk berehat, daripada membeli kerusi dan meja untuk anak-anak belajar. Dengan itu, anak-anak tidak mendapat kelengkapan yang cukup serta ‘sokongan’ dari ibu bapa untuk belajar dengan selesa di rumah.

Apakah kesannya jika anak-anak tidak mendapat sokongan dan bimbingan yang mencukupi dari ibu bapa sendiri dan tiada pula persekitaran belajar yang selesa? “Sudah pasti anak Melayu akan terus lemah.”

### **Teori ‘Zone of Proximal Development (ZPD)**

Teori ini menyatakan bahawa:

*“What children can do with the assistance of others is even more indicative of their mental development than what they can do alone (Vygotsky, 1978:85). Vygotsky ‘saw’ patterns and levels of thinking as products of the activities practiced in the social institutions of the culture in which the individual was immersed. Vygotsky referred to the distance between the abilities displayed independently and with social support as the ZPD; his thesis being that this “zone” was created by learning.”*

Bimbingan guru di sekolah amatlah penting, terutama apabila kanak-kanak itu tidak mendapat bimbingan pembelajaran di rumah (kerana ibu bapa tidak berpendidikan baik dan tiada ahli keluarga dapat membantu), ditambah pula persekitaran dan kemudahan yang serba kekurangan. Namun, setakat mana guru dapat membimbing individu kanak-kanak ini, adalah bergantung kepada komitmen guru itu sendiri dan rasa bertanggungjawabnya. Masa juga adalah terhad dan bilangan yang ramai dan berbeza-beza kebolehan turut menyulitkan guru.


*“Different children will move through different ZPDs, at different times. This makes it unlikely that 'lock-step' teaching - that is, teaching everybody in a class the same things in the same way at the same time - will be effective. The best way for a learner to develop, he suggested, is for the learner to work with an adult or more competent peer at a level just above his/her present level.”*

Sebagai ibu bapa dan guru, kita harus memahami interpretasi Vygotsky ini, kerana,

*“...there may be many pupils, especially within the underachieving gifted student population, who are not identified because, although they have the potential, they have yet to realize it. ...True self-esteem comes from the sense of mastery created by real achievement. If a student is kept ignorant of his own educational needs, he/she cannot fully participate in fostering his/her own growth”.*

Secara teori setiap kanak-kanak mempunyai potensi sendiri dan kecekapan intelek yang sama pada asalnya. Di sekolah mereka dibantu oleh guru dan ini akan mempertingkatkan kecekapan intelek mereka. Lazimnya dengan bantuan guru kecekapan intelek berkembang dan terus berkembang jika terus diberi sokongan pembelajaran oleh guru di sekolah. Ini pula bergantung kepada usaha guru. Guru yang lebih komited membimbing muridnya akan meningkatkan pembelajaran, memberi *scaffolding* untuk mereka dan meninggikan ZPD murid. Guru yang kurang usaha, melambatkan membantutkan perkembangan tersebut. Di sini kita boleh lihat dan kaitkan dengan keadaan di sekolah Melayu berbanding sekolah lain, khususnya sekolah Cina, atau di tadika “Melayu” dengan tadika swasta. Perkembangan kanak-kanak digambarkan seperti Carta berikut.

Rajah 2: Zone of proximal development (ZPD)





Anak dari SES tinggi dan bersekolah di bandar mempunyai kelebihan untuk berkembang dengan lebih besar kerana terdapat sokongan-sokongan yang mengalakkan. Anak di sekolah luar bandar dari keluarga miskin tiada mempunyai bahan sokongan yang membantu perkembangannya. Dengan itu perkembangannya adalah terencat dan tidak maju. Malah adakalanya tidak berubah jika kurang dibantu oleh guru, ibu bapa, tiada rakan sebaya atau ahli keluarga yang berkebolehan untuk membantu/membimbing bagi meluaskan keupayaan pembelajaran anak-anak. Dengan kata lain persekitaran yang serba kekurangan yang dialami oleh anak Melayu di luar bandar adalah masalah utama yang menghalang perkembangan pendidikan mereka.

Berbeza dengan kanak-kanak bangsa lain, ZPD mereka lebih luas, oleh itu perkembangan mereka lebih besar dan, walaupun tanpa bimbingan yang mencukupi daripada guru di sekolah, mereka masih boleh cepat melonjak ke hadapan dalam semua mata pelajaran, seperti Matematik, Bahasa Inggeris dan Sains, tiga mata pelajaran yang sangat penting masa kini. Oleh itu kita lihat pelajar-pelajar dari kaum lain mempunyai "advantage" dan lebih ke hadapan dari kanak-kanak kita.

Akibatnya, jika dari sekolah rendah lagi telah 'lemah' dalam pelajaran, maka akan berterusanlah anak itu lemah sepanjang persekolahan mereka (Mohd. Yusof yahya (M.Ed 2000), kecuali ada faktor-faktor lain yang boleh menghilangkan masalah tersebut. Bayangkan bagaimana pula anak-anak yang datang dari keluarga yang banyak masalah, anak-anak yang sentiasa ditinggalkan dalam jagaan jiran-jiran, semasa ibu bapa sibuk bekerja siang dan malam, siapakah yang membimbing mereka. Inilah masalah yang mesti disedari oleh ibu bapa dan orang Melayu sendiri. Pendidikan anak-anak harus dititikberatkan dari peringkat awal lagi. Tidak ada 'miracle' boleh berlaku untuk mengubah anak-anak yang gagal menjadi berjaya melainkan dengan bimbingan dan sokongan semua pihak terutama sekali keluarga.



### 3.2 Budaya Keluarga/Ibu bapa

Ibu bapa/keluarga adalah orang yang paling penting memastikan anak-anak berjaya. Galakan, dorongan dan sikap yang ditunjukkan oleh ibu bapa asas yang membina semangat dan rasa bertanggungjawab anak-anak untuk membiktikan kebolehan mereka. Ibu bapa adalah orang yang paling hampir dan berkuasa terhadap anak-anak. Ibu bapa perlu memainkan peranan untuk menunjukkan amalan dan budaya belajar serta menghargai pendidikan. Orang Melayu tidak seperti orang Cina yang sangat pentingkan pendidikan. Mereka bertungkus lumus bekerja memastikan anak-anak mendapat pendidikan yang terbaik dan paling sempurna. Mereka berusaha, bersedia mengumpul wang semata-mata untuk memastikan anak-anak mereka mendapat pendidikan di sekolah, atau kolej atau universiti yang terbaik, walaupun mereka seorang penjual ikan atau sayur di tepi jalan. Walaupun mereka buta huruf, tetapi anak-anak mereka mesti berpelajaran supaya mereka dapat hidup senang kelak.

Majoriti orang Cina mengambil berat pelajaran anak-anak mereka; sanggup menghantar dan mengambil anak-anak ke sekolah, ke tuisyen dan ke kelas-kelas sukan, muzik, ballet, lukisan dan lain-lain. Dalam rumah mereka tidak ada kerusi empok atau almari perhiasan yang penuh dengan pinggan mangkuk atau hiasan rumah yang banyak, tetapi anak-anak mempunyai meja yang dikhaskan untuk belajar, buku yang cukup dan makan minum yang berkhasiat.

Adakah ibu bapa Melayu sedar di mana dalam rumah mereka anakanak boleh belajar dalam keadaan terang dan selesa. Adakah ibu bapa Melayu menghormati masa anak-anak belajar dan sanggup tidak menonton TV kerana anak perlu belajar, supaya tidak terganggu. Daripada tinjauan kami didapati 15% (daripada 2320 pelajar) menyatakan bahawa keadaan rumah mereka tidak selesa lansung untuk belajar, sempit dan tiada ruang khas. 80% menyatakan mereka belajar di rumah kerana tiada tempat lain, dan selebihnya sangat selesa belajar di rumah/bilik sendiri.

Budaya belajar di kalangan ibu bapa Melayu adalah amat nipis. Tidak ramai ibu bapa Melayu yang gemar membaca buku, membeli buku atau pergi ke perpustakaan. Hal-hal ini menyebabkan anak-anak tidak mendapat teladan yang baik dari ibu bapa. Bertambah jarang lagi ibu bapa yang suka menulis dan mengarang. Jika adapun hanyalah mereka yang biasa dengan menggunakan internet atau PC untuk menyambung tugas-tugas yang dibawa balik dari pejabat atau untuk membaca berita dan mencari maklumat. Kalaulah ada lebih ramai ibu bapa yang begini, maka saya percaya pastilah budaya belajar akan terpahat dalam diri anak-anak mereka.

Kebanyakan ibu bapa yang berpendidikan rendah tidak mampu menyemak kerja-kerja anak-anak mereka. Jika adapun hanyalah setakat memastikan anak-anak telah membuat kerja rumah yang diberikan oleh guru.

Ibu bapa masa kini amat sibuk dengan tugas masing-masing, hinggakan tidak penting untuk hadir di sekolah mengambil tahu pelajaran anak-anak. Anak-anak Melayu hari ini telah pandai hidup berdikari, berkawan dan terlibat dengan gejala tidak sihat. Dalam laporan kajian lepak yang dibuat oleh pensyarah PPIP di kalangan remaja Pulau Pinang (Mustapa Kassim dan Ahmad Nurulazam, 1994), menunjukkan 67.5% remaja yang melepak ialah remaja Melayu, 23% Cina dan 6% India (3.5% lain-lain). 71% adalah di kalangan pelajar berumur 16-18 tahun. Mengapa mereka melepak, pada hal mereka sepatutnya menumpukan perhatian untuk peperiksaan SPM yang akan dihadapi. Alasan yang diperolehi oleh kajian tersebut ialah: “ingin menghilangkan kerunsingan” (25%); “untuk membuang masa sahaja” (24%); “seronok kerana ada hiburan -di tempat tinggal mereka tidak ada kemudahan untuk remaja” (47%), “di rumah terlalu ramai untuk menenangkan fikiran” (28%); “tidak ada privasi di rumah” (27%), “jika pulang pun tidak ada sesiapa di rumah” (22%) dan lain-lain sebab seperti menunggu kawan dsb.(peratus berdasarkan bilangan respons yang diberi oleh seramai 498 orang remaja yang ditemubual). Daripada alasan yang diberikan, mungkin kita boleh menggambarkan mengapa anak-anak Melayu khususnya melepak? Masalah mereka sebenarnya di mana? Apakah akan terjadi jika mereka terus suka melepak?

### 3.3 Masalah berkaitan pelajar Melayu sendiri

#### a) Sikap terhadap Belajar

Dalam kajian yang dibuat oleh Aminah et.al. (2002) didapati sikap pelajar Melayu terhadap pembelajaran kurang menggalakkan. Misalnya didapati:

- (i) 73% - **tidak suka buat latihan tambahan**, selain daripada apa yang diberi oleh guru
- (ii) 50% - **gagal menyelesaikan kerja rumah** kerana tidak tahu buat atau malas buat
- (iii) 48% - **terlalu bergantung kepada guru** dan tidak boleh berdikari dalam pembelajaran, kerana sentiasa tidak faham apa yang diajar.

Dari dapatan tersebut, boleh disimpulkan masalah utama pelajar Melayu ialah kurang disiplin belajar, tidak mahu berusaha lebih kuat dan ingin mencari jalan mudah dengan bertanya guru. Mereka juga cepat rasa bosan dan mudah hilang tumpuan belajar dan tidak belajar secara konsisten.

Dari segi amalan pembelajaran, kajian tersebut mendapati:

- (iv) 65% - **pelajar Melayu tidak menggunakan teknik belajar yang betul**
- (v) 53% **tidak suka mencuba** atau tidak mahu mencuba dan suka mengelak menjawab soalan yang sukar;
- (vi) 38% - **tidak suka kerja rumah** dan
- (vii) 33% **suka diamatkan diri** dalam kelas atau tidak mahu bercakap atau bertanya.

Semua ciri-ciri ini adalah penghalang kepada kejayaan pelajar Melayu dalam pelajaran. Mentaliti ini harus dikikis dan diubah supaya tidak berterusan menjadi wabak yang akan melemahkan orang Melayu pada masa hadapan. Malu adalah satu lagi sifat pelajar Melayu yang mesti dibetulkan. Malau hendaklah bertempat. Tetapi malu yang dilaporkan dalam kajian Rohaya (MEd.USM: 2003) menunjukkan pelajar perempuan terutamanya sangat malu. Perasaan malu ini mempengaruhi prestasi dan kebolehan berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris. Mereka sangat malu dan takut melakukan kesalahan dalam bahasa Inggeris dan apabila ini berlaku mereka menjadi lebih malu dan terus menarik diri – menjadi “forced introverts”.

## b) Tidak gemar berfikir dalam kelas dan Lemah minda

Dalam kajian Aminah et. al. (2003) diperhatikan pelajar-pelajar Melayu kurang gemar **berfikir dengan mendalam** semasa guru mengajar. Konsentrasi mereka tidak ditumpukan sepenuhnya untuk menerima pelajaran, menginternalisasi dan mengabstrakkan perkara yang dipelajari. Mereka sukar “bersedia” dan “membuka minda” untuk berfikir. Mereka suka menagguhkan pelajar sehingga masa yang diagakkan sesuai, tetapi jarang sekali ada masa yang sesuai, kecuali pada larut tengah malam atau waktu terdesak untuk menghasilkan sesuatu tugas atau mengambil ujian. Semasa belajar, semasa guru menerangkan pelajar di dalam kelas, pelajar Melayu mudah ‘terlayang fikiran’ dan mudah terganggu (distracted) fikirannya, hanya kepada perkara-perkara kecil, seperti cara guru bercakap, atau sesuatu pada pakaian guru, atau gangguan murid lain atau bunyi di luar kelas dan sebagainya. Mengapakah pelajar Melayu mudah terganggu? Kajian kami sekali lagi menunjukkan bahawa pelajar Melayu lebih sensitif, dan jika diherdik sedikit atau dimarahi guru, mereka mudah merasa sangat malu. Perasaan yang kuat ini akan menghantui sehingga tidak ada konsentrasi terhadap pelajaran dan apa-apa yang diajar, kerana terlalu sukar untuk berfikir.

Dalam kajian Daud dan rakan-rakan (1996), mereka dapati pelajar Melayu mempunyai budaya belajar yang lebih berpusatkan emosi (emotional-oriented), manakala budaya belajar pelajar bukan Melayu ialah ‘task-oriented’. Ini sekaligus menunjukkan pelajar Melayu mudah diganggu oleh perasaan dan tidak dapat keluar jika mempunyai perasaan tidak selesa dalam dirinya. Misalnya, jika pelajar itu tidak suka pada guru, maka dia tidak akan dapat memokuskan perhatiannya kepada pengajaran guru, tetapi asyik memikirkan tentang guru itu dan hal-hal lain yang dibenci pada guru itu.

Masalah lemah minda dan tiada tabiat berfikir ini amat merugikan dan ianya wujud sehingga di peringkat pendidikan tinggi. Sayang sekali, pelajar Melayu kurang sedar

tentang kelemahan ini kerana mereka tidak terlatih dari peringkat awal supaya berfikir secara mendalam semasa belajar. Perkara ini mudah berlaku, terutama apabila mereka tidak bersedia untuk menerima pelajaran pada hari/masa tersebut. Maka, mereka akan 'tertutup' atau buntu fikir kerana tidak faham. Maka adalah sangat penting persediaan dibuat oleh pelajar sebelum menghadiri kelas atau kuliah demi memastikan pelajaran yang diajar dapat diikuti dengan sepenuhnya dan difahami.

### **c) Kurang bertenaga belajar, amalan permakanan dan kesihatan Yang Tidak Baik**

Dalam kajian oleh kaunselor di PPIP di kalangan pelajar-pelajar yang berstatus "P" beliau mendapati pelajar Melayu suka belajar selepas tengah malam. Fenomena ini amat tidak baik kerana ia mengganggu konsentrasi pelajar pada keesokan harinya. Mereka kerap kali juga dilaporkan tidak boleh bangun awal kerana tidur lewat. Siapakah yang perlu disalahkan?

Pelajar Melayu juga biasanya tidak begitu sistematik dalam merancang pembelajaran mereka. Ramai yang tidak sarapan ke sekolah atau ke kuliah dan cuba memulakan pembelajaran semasa perut sangat kenyang. Faktor-faktor kecil ini tetap mengganggu konsentrasi belajar jika tidak di beri perhatian.

## **5.0 CADANGAN DAN PENUTUP**

Dari perkara-perkara yang telah dibentangkan dalam kertas kerja ini, berikut ialah rumusan yang boleh dibuat untuk renungan dan ikhtibar.

1. Persiapkan kanak-kanak di peringkat awal lagi iaitu di rumah dengan kemudahan dan bahan-bahan pembelajaran akan membantu anak-anak belajar dengan lebih baik dan selesa. Pastikan anak-anak mendapat bantuan/ bimbingan yang boleh meluaskan ZPD anak tersebut. ZPD yang luas akan mlonjakkan prestasi anak dalam pelajaran dan ini akan menyebabkan anak lebih yakin diri dan gembira



belajar. Jika tidak mampu, dapatkan bantuan orang yang boleh mengajar anak-anak tersebut.

2. Ibu bapa perlu memberi penekanan membudayakan pembelajaran di rumah dan dalam semua aktiviti-aktiviti hidupnya. Misalnya membaca bersama anak-anak, menghadiri perbincangan dengan pihak sekolah dalam PIBG atau ceramah yang dianjurkan, melawat tempat-tempat yang boleh meningkatkan ilmu seperti muzium, perpustakaan, kedai buku/pameran buku, pertandingan sukan dan olahraga dan sebagainya, bukannya di pesta-pesta hiburan atau membeli belah semata-mata.
3. Melanggan surat khabar dan bahan bacaan kanak-kanak, fikirkan bahan-bahan yang boleh membantu anak-anak belajar seperti mengawakan internet dan PC.
4. Mengadakan perpustakaan kecil di rumah supaya membiasakan anak-anak dengan buku-buku dan banyakkkan membaca. Ini memberi contoh yang baik kepada anak-anak, walaupun membaca ibu bapa kitab.
5. Ibu bapa atau ahli keluarga lain patut terus belajar, mengikuti kursus-kursus untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan. Di PSDC misalnya hanya terdapat 16% orang melayu berbanding bukan melayu (140 Melayu: 727 Bukan Melayu), di Kolej Olympia, P.Pinang, didapati hanya 10% Melayu (67 Melayu: 588 Bukan Melayu). (di institusi-institusi lain tidak diketahui). Ini menunjukkan bahawa orang Melayu tidak mengamalkan pendidikan sepanjang hayat.
6. Melabur untuk masa depan anak-anak, wujudkan tabung atau insuran pendidikan untuk setiap anak yang lahir demi masa depan mereka.

Usaha yang agresif perlu dibuat untuk membantu meningkatkan pengetahuan matapelajaran-mata pelajaran utama di kalangan pelajar Melayu dari peringkat sekolah rendah hingga ke Tingkatan 6. Program tuisyen dan kaunseling perlu diadakan secara konsisten supaya berterusan memberi sokongan, khususnya bagi pelajar-pelajar dari golongan SES rendah yang tiada sumber bantuan belajar di rumah

Semua pihak perlu menggembelingkan tenaga bagi melaksanakan projek-projek tuisyen, bimbingan, latihan kemahiran belajar, latihan disiplin diri dan peningkatan self-esteem

pelajar. Ibu bapa juga perlu mendapatkan kaunseling dan penghayatan bina bangsa supaya timbul kesedaran untuk membantu anak-anak belajar.

## 6.0 RUJUKAN

Merrill and Byrnes, J.P. (1996). *Cognitive Development and Learning in Instructional Contexts*. Boston: Allyn and Bacon

The Knowledge Web. (March 20, 2000). "Zone of Proximal Development."  
<http://128.104.40.36:8080/step/kw/TheoreticalPerspectives/SocioculturalTheory/>

Mustapa Kassim dan Ahmad Nurulazam, 1994. *Kajian Tinjauan Tingkahlaku Lepak di Klangan Remaja di Pulau Pinang*, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.

Aminah Ayob, Halim Ahmad, Nordin Abdul razak dan Hazri Jamil (2002) *Kajian Profil Bumiputra Pulau Pinang dari segi Pendidikan, tajaan JKK-JKP, Jabatan Perdana Menteri*.

Mohd. Yusof Yahya (2000). *Kegagalan pelajar dalam pelajaran: Satu kajian kes di sekolah menengah luar bandar di Daerah Baling*. (Tesis M.Ed, USM).

Rohaya Abdullah (2003). *Shyness and English Language Performance among female Malay Learners*. (Tesis M.Ed, USM)